

22 JUN 2002
Mahathir-MSK/I
UNITAR TERIMA STATUS MSC DARIPADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Universiti Tun Abdul Razak (Unitar), yang menerima sijil status MSC daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, bercadang untuk mendapatkan geran penyelidikan untuk membangunkan e-pembelajaran dan sekuriti teknologi maklumat (IT).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Unitar Datuk Dr Syed Othman Alhabshi berkata universiti itu juga berhasrat membangunkan rangkaian IT, bersama-sama dengan dua bidang itu melalui United Multimedia Sdn Bhd (UMM).

Kedua-duanya ialah anak syarikat KUB Malaysia Berhad (KUB).

Semua penemuan penyelidikan itu akan dikomersilkan kemudiannya, katanya kepada Bernama selepas majlis penyerahan sijil itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini .

MSC atau Koridor Raya Multimedia meliputi kawasan seluas 750 km persegi dari Kuala Lumpur City Centre ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang yang dibangunkan sebagai pusat pembangunan multimedia dan pelbagai produk.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif KUB Datuk Hassan Harun berkata sijil itu diberikan oleh Majlis Penasihat MSC kepada Unitar dan UMM sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan mereka dalam melahirkan tenaga kerja berasaskan IT.

Unitar, universiti maya pertama di negara dan rantau ini yang ditubuhkan pada 1999, buat masa ini menawarkan program ijazah, sarjana dan doktor falsafah dalam bidang IT kepada 4,000 mahasiswa.

Pendidikan disampaikan melalui penggunaan teknologi e-pembelajaran seperti Internet, perisian kursus berasaskan laman web atau cakera padat (CD) dan tutorial berasaskan fasilitator.

Kegiatan utama UMM ialah untuk menyediakan infrastruktur dan pendidikan maya.

Mengenai penggunaan 100 peratus bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di Unitar, Hassan berkata kesemua mahasiswa, majoritinya Melayu tidak menghadapi masalah serius dalam menjalani kursus mereka.

"Kami mahu menguji pengetahuan mereka dan bukan kemampuan bahasa Inggeris mereka. Bagaimanapun pada akhirnya mereka dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik," katanya.

Beliau berkata universiti itu berbangga melahirkan siswazah IT yang fasih berbahasa Inggeris seperti yang dimahukan kerajaan.

-- BERNAMA
JM MAM RHM